

Umno NS Kesal Dakwaan Orang Melayu Adalah Pendatang Bernama
Oct 22, 2014

SEREMBAN, 22 Okt (Bernama) -- Umno Negeri Sembilan menyuarakan rasa kesal, tidak puas hati dan kecewa dengan sikap seorang perwakilan Gerakan yang mendakwa orang Melayu adalah pendatang dan meminta parti itu mengambil tindakan sewajarnya terhadap perwakilan itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Mohamad Hasan berkata perkara itu terkandung dalam pernyataan yang diputuskan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan dan Umno Bahagian Rembau semalam.

"Saya harap Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dan partinya melihat perkara ini sebagai sesuatu yang serius, bukan ditolak begitu sahaja dengan menyatakan ini suara perseorangan dan jangan minta maaf dengan cara yang sambil lewa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Deepavali anggota Majlis Tertinggi MIC Kebangsaan yang juga Ketua MIC Bahagian Rembau Datuk V.S. Mogan di Taman Rantau, Rantau dekat sini, Rabu.

Ahad lepas, wakil Gerakan Johor Tan Lai Soon dalam ucapannya pada Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan di Shah Alam, Selangor mengingatkan pemimpin Umno agar tidak menggunakan kenyataan pendatang kepada kaum lain dan turut mendakwa orang Melayu juga sebenarnya pendatang di negara ini.

Tan mendakwa orang Melayu, Cina, India adalah pendatang, kecuali Orang Asli, Sabah dan Sarawak yang menjadi penduduk asal negara ini.

Mohamad yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan berkata kenyataan itu adalah salah baik dari segi fakta sejarah, fakta geografi dan sebagainya.

"Orang Melayu bukan pendatang...orang Melayu tinggal di sini sebagai satu Kepulauan Melayu. Wujudnya Malaysia, Indonesia, Filipina dan juga negara lain adalah disebabkan oleh penjajah yang datang yang membahagi-bahagikan negara ini.

Jadi, tidak timbul soal orang Melayu pendatang ataupun tidak.

"Saya hendak nyatakan di sini bahawa sikap sebegini kita tolak dan kita merasa amat marah kerana masih ada lagi orang bersikap sebegini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078901>